

Hubungan Antara Kerja Rumah Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Dari Kelas Premier di Dua Buah Sekolah Menengah

Yeo Kee Jiar¹ & Ainul Hakimah Karim¹

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor, Malaysia

Abstrak: Kerja rumah telah menjadi komponen penting dalam sistem persekolahan di Malaysia. Kerja rumah memainkan peranan yang penting untuk membantu pelajar supaya lebih memahami pelajaran yang diajarkan di dalam kelas. Kerja rumah juga berperanan untuk menyumbangkan pencapaian yang tinggi terhadap sesuatu mata pelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara kerja rumah dengan pencapaian mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah dalam kalangan pelajar tingkatan dua dari kelas premier di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Mutiara Rini dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Skudai, Johor Bahru. Kajian ini menumpukan tiga faktor yang berkaitan dengan kerja rumah, iaitu peruntukan masa, jenis-jenis kerja rumah, dan cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah. Seramai 106 orang pelajar telah dipilih sebagai sampel kajian: dua kelas tingkatan dua premier dari SMK Sri Skudai dan satu kelas tingkatan dua premier dari SMK Taman Mutiara Rini. Alat kajian yang digunakan ialah borang soal selidik. Borang ini terdiri daripada dua bahagian. Bahagian A mengandungi soalan yang berkaitan dengan demografi pelajar, pencapaian mata pelajaran dan faktor peruntukan masa. Manakala Bahagian B pula terdiri daripada 30 soalan berkaitan dengan faktor jenis kerja rumah dan faktor cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah pelajar. Nilai kebolehpercayaan alat kajian ini ialah $\alpha = 0.929$. Analisis deskriptif (kekerapan dan peratusan) dan inferensi (korelasi *Pearson*) digunakan dalam tatacara menganalisis data. Secara keseluruhannya, tahap pencapaian pelajar dalam setiap mata pelajaran berada pada tahap tinggi (60–79%). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan tetapi sederhana antara faktor cara pengelolaan guru semasa dan selepas pemberian kerja rumah dengan pencapaian bagi mata pelajaran matematik.

Katakunci: Kerja Rumah, pencapaian akademik, peruntukan masa, jenis kerja rumah, guru

Abstract: Homework has become an important component in schooling system in Malaysia. Besides this, homework is also an essential tool contributing towards higher achievement. This research is aimed to study the relationship between homework with students' achievement in the subjects of Mathematics, English, and History among the form two premier students at Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Mutiara Rini and Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Skudai, Johor Bahru. In this research, the researcher focused on three factors, which include time spent, types of homework, and teacher supervision. The samples in this study were selected from two form two premier classes at SMK Sri Skudai and class at SMK Taman Mutiara Rini. Questionnaire was chosen by the researcher as the instrument to investigate the outcome of this study. This questionnaire consists of 2 sections. Section A includes the demographic items, students' achievement, and time management. Section B includes 30 questions on the types of homework and teachers' supervision on homework. The reliability of this instrument is $\alpha = 0.929$. The students' result in end-year examination was used as students' achievement in this study. In analyzing the data, researcher used two types of analysis: descriptive and inference statistic (*Pearson* correlation). Overall, the majority of students tend to have high achievement (60 – 79 %). The findings of this study showed significant correlation at medium level was found in two aspects: (1) teacher's supervision during homework was assigned in Mathematics homework; and (2) teacher's supervision after homework was assigned in Mathematics homework.

Keywords: Homework, achievement in academic, time spent, types of homework, teacher

1.0 PENGENALAN

Pendidikan merupakan agenda yang amat penting dalam pembangunan sebuah negara kerana sistem pendidikanlah yang akan mempengaruhi corak kehidupan masyarakat negara ini. Dalam memastikan pendidikan menjadi agen perubahan pembangunan masyarakat, pendidikan di Malaysia adalah berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan untuk melahirkan generasi yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah. Lantaran itu, setiap mata pelajaran yang digubal oleh Pusat Pembangunan Kurikulum sudah mengambil kira aspek-aspek tersebut. Peralihan bahasa pengantar daripada Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Matematik dan Sains di sekolah sejak 2003 juga sudah dikaji supaya tidak menjejaskan dasar dan aspirasi pendidikan di Malaysia.

Pendidikan Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah di sekolah-sekolah dalam Malaysia telah mengalami banyak perkembangan bermula dengan perubahan dari segi falsafah dan kurikulum sehinggalah kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P). Pada dasarnya perubahan demi perubahan yang dilaksanakan adalah untuk memperbaiki pencapaian para pelajar, di samping untuk memenuhi hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai teknokrat ke arah menuju pembentukan negara Malaysia sebagai sebuah negara industri. Selaras dengan hasrat kerajaan yang ingin melahirkan masyarakat yang maju dan berdaya saing, pelbagai teknik dan strategi pengajaran dan pembelajaran telah diusahakan pelaksanaannya di sekolah-sekolah dengan berorientasikan sains dan teknologi. Para pelajar didedahkan dengan pelbagai kaedah untuk menggalakkan mereka sentiasa berfikir dan mengurangkan hafalan semata-mata untuk menguasai ilmu yang dipelajari.

Selain aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang telah disebut, kerja rumah (*homework*) juga merupakan satu aktiviti P&P yang telah lama dipraktikkan yang harus dikaji keberkesannya. Kerja rumah (*homework*) didefinisikan sebagai kerja atau tugas yang diberikan kepada pelajar oleh guru di sekolah sewaktu pelajar masih di sekolah untuk disiapkan atau diperpanjangkan pada bukan waktu persekolahan. (Cooper, 1989). Kerja rumah yang diberikan mungkin disiapkan ketika masa belajar peribadi, masa penggunaan perpustakaan, mahupun di kelas tambahan.

Kerja rumah dapat disimpulkan sebagai aktiviti latihan yang mengukuhkan tugas harian. Kerja rumah mampu memotivasikan pelajar untuk menyiasat, meneroka serta mengkaji. Dengan menguruskannya dengan baik serta sesuai dengan minat pelajar, kerja rumah boleh menjadi kunci kepada pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learning*). Kerja rumah juga merupakan satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih berpusatkan pelajar iaitu pelajar harus bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan oleh guru mereka.

Lazimnya, kerja rumah yang diberikan oleh guru kepada pelajar menghubungkan secara terus pelajaran yang dipelajari di dalam kelas. Oleh itu, pelajar akan berpeluang untuk

mengukuhkan pelajaran tersebut, terutamanya apabila ia melibatkan pembinaan konsep yang baru dipelajari. Dalam aspek yang lebih meluas, kerja rumah menggambarkan pengetahuan dan kelangsungan pendidikan. Banyak negara yang mengamalkan falsafah Timur sangat mempercayai bahawa seorang individu akan semakin maju apabila diberi tanggungjawab, cabaran dan sentiasa berhadapan dengan pengharapan yang tinggi. Setelah diperhatikan dengan teliti, penyelidik mendapati bahawa apabila harapan tinggi yang diberikan kepada pelajar, pencapaian yang tinggi akan terhasil. Kajian ini diharapkan dapat menilai bagaimanakah persepsi pelajar dan guru terhadap kerja rumah, dan melihat bagaimana kerja rumah dapat menjadi alat yang berkesan dalam sistem pendidikan di negara kita.

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Pendidikan merupakan agenda yang amat penting dalam pembangunan sebuah negara kerana sistem pendidikanlah yang akan mempengaruhi corak kehidupan masyarakat negara ini. Dalam memastikan pendidikan menjadi agen perubahan pembangunan masyarakat, pendidikan di Malaysia adalah berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan untuk melahirkan generasi yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah. Lantaran itu, setiap mata pelajaran yang digubal oleh Pusat Pembangunan Kurikulum sudah mengambil kira aspek-aspek tersebut. Peralihan bahasa pengantar daripada Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Matematik dan Sains di sekolah sejak 2003 juga sudah dikaji supaya tidak menjejaskan dasar dan aspirasi pendidikan di Malaysia.

Pendidikan Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah di sekolah-sekolah dalam Malaysia telah mengalami banyak perkembangan bermula dengan perubahan dari segi falsafah dan kurikulum sehinggalah kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P). Pada dasarnya perubahan demi perubahan yang dilaksanakan adalah untuk memperbaiki pencapaian para pelajar, di samping untuk memenuhi hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai teknokrat ke arah menuju pembentukan negara Malaysia sebagai sebuah negara industri. Selaras dengan hasrat kerajaan yang ingin melahirkan masyarakat yang maju dan berdaya saing, pelbagai teknik dan strategi pengajaran dan pembelajaran telah diusahakan pelaksanaannya di sekolah-sekolah dengan berorientasikan sains dan teknologi. Para pelajar didedahkan dengan pelbagai kaedah untuk menggalakkan mereka sentiasa berfikir dan mengurangkan hafalan semata-mata untuk menguasai ilmu yang dipelajari.

Selain aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang telah disebut, kerja rumah (*homework*) juga merupakan satu aktiviti P&P yang telah lama dipraktikkan yang harus dikaji keberkesanannya. Kerja rumah (*homework*) didefinisikan sebagai kerja atau tugas yang diberikan kepada pelajar oleh guru di sekolah sewaktu pelajar masih di sekolah untuk disiapkan atau diperpanjangkan pada bukan waktu persekolahan. (Cooper, 1989). Kerja rumah yang diberikan mungkin

disiapkan ketika masa belajar peribadi, masa penggunaan perpustakaan, mahupun di kelas tambahan.

Kerja rumah dapat disimpulkan sebagai aktiviti latihan yang mengukuhkan tugas harian. Kerja rumah mampu memotivasikan pelajar untuk menyiasat, meneroka serta mengkaji. Dengan menguruskannya dengan baik serta sesuai dengan minat pelajar, kerja rumah boleh menjadi kunci kepada pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learning*). Kerja rumah juga merupakan satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih berpusatkan pelajar iaitu pelajar harus bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan oleh guru mereka.

Lazimnya, kerja rumah yang diberikan oleh guru kepada pelajar menghubungkan secara terus pelajaran yang dipelajari di dalam kelas. Oleh itu, pelajar akan berpeluang untuk mengukuhkan pelajaran tersebut, terutamanya apabila ia melibatkan pembinaan konsep yang baru dipelajari. Dalam aspek yang lebih meluas, kerja rumah menggambarkan pengetahuan dan kelangsungan pendidikan. Banyak negara yang mengamalkan falsafah Timur sangat mempercayai bahawa seorang individu akan semakin maju apabila diberi tanggungjawab, cabaran dan sentiasa berhadapan dengan pengharapan yang tinggi. Setelah diperhatikan dengan teliti, penyelidik mendapati bahawa apabila harapan tinggi yang diberikan kepada pelajar, pencapaian yang tinggi akan terhasil. Kajian ini diharapkan dapat menilai bagaimanakah persepsi pelajar dan guru terhadap kerja rumah, dan melihat bagaimana kerja rumah dapat menjadi alat yang berkesan dalam sistem pendidikan di negara kita.

Sebahagian daripada pelajar beranggapan bahawa mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah adalah mata pelajaran yang susah kerana mereka sukar untuk memahami dan menguasai satu-satu topik dengan jelas. Mereka juga menyatakan bahawa kerja rumah atau tugas yang diberi tidak dapat memudahkan lagi mereka memahami dengan lebih baik pelajaran yang diajar di sekolah. Keadaan ini mungkin disebabkan terdapat sebahagian guru yang memandang enteng dengan pemberian kerja rumah. Sebahagian pelajar yang diberi tugas atau kerja rumah oleh guru untuk dibawa pulang tidak diselia tentang keadaan mereka serta tidak diambil kisah sejauh mana kerja rumah yang diberi dapat dilaksanakan dengan baik.

Manakala ada pelajar yang diberi kerja rumah pula tidak memperuntukkan masa yang sewajarnya dalam menyiapkannya. Kerja rumah yang diberikan juga seringkali tidak ditentukan jenisnya sama ada sebagai latih tubi, persediaan mahupun pengembangan daripada apa yang dipelajari disekolah. Pelajar memerlukan kerja rumah yang pelbagai jenis sesuai dengan tajuk yang dipelajari supaya ia dapat membantu pelajar lebih memahami apa yang diajar guru, seterusnya membantu meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran ini.

Dewasa ini, corak kehidupan masyarakat kita telah menjadi semakin sibuk. Kita sering mendengar ibu bapa yang melahirkan kesangsian mereka terhadap tugas harian ini. Masyarakat juga sentiasa menginginkan alasan yang munasabah di sebalik pemberian kerja rumah kepada pelajar. Corak kehidupan hari ini yang sentiasa dipenuhi dengan aktiviti keagamaan, sukan, muzik, permainan, hiburan serta komitmen lain

menyebabkan pelajar dan ibu bapa hanya mempunyai sedikit masa bersama keluarga. Begitu juga dengan masa yang diperuntukkan bagi menyiapkan kerja rumah.

Kerja rumah telah kerap menimbulkan percanggahan pendapat antara institusi sekolah serta rumah berbanding aktiviti pengajaran yang lain. Banyak ibu bapa meluahkan perasaan yang kurang menyenangkan terhadap kerja rumah yang diberikan, seperti kerja rumah yang terlalu panjang atau terlalu pendek, terlalu susah atau terlalu senang, mahupun terlalu kabur. Pihak guru pula bersungut kerana kurangnya sokongan daripada ibu bapa dan pentadbir, kurangnya latihan kemahiran, serta kurangnya masa untuk menyediakan kerja rumah yang efektif kepada para pelajar. Manakala para pelajar pula merungut kerana banyak masa mereka terpaksa digunakan untuk menyiapkan kerja rumah yang diberikan guru sehinggakan mereka tiada masa lapang untuk beristirahat dan beriadah.

Rungutan sebegini bukanlah sesuatu yang baru dan mengejutkan, apabila melihatkan kerja rumah seringkali dikaitkan dan dipengaruhi oleh banyak faktor berbanding strategi arahan. Guru boleh menstruktur dan mengarah kerja rumah dalam banyak cara. Persekitaran rumah akan mempengaruhi proses menyiapkan kerja rumah dengan membina suasana yang kondusif mahupun menjadikan suasana yang menghalang pelajar daripada belajar atau menyiapkan kerja rumah. Kajian yang telah dijalankan oleh sekumpulan pengetua dan penyelidik Australia mendapati pelajar di Malaysia menghabiskan masa purata 3.8 jam sehari untuk membuat kerja rumah dan bagi mereka perkara itu hanya membazirkan masa. Sehubungan itu, pihak Kementerian Pelajaran mengeluarkan garis panduan umum mengenai pemberian kerja rumah kepada murid sekolah dengan memberi tumpuan kepada tiga aspek utama iaitu perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. (laporan Berita Harian pada 11 Februari 2005). Pada 27 Februari 2005, akhbar The Star juga telah melaporkan penggunaan buku rekod kerja rumah (*homework record booklet*) yang bertujuan merekodkan pemberian kerja rumah oleh guru yang memerlukan guru mencatatkan beberapa maklumat kerja rumah seperti tarikh kerja rumah diberi, mata pelajaran, jenis kerja rumah yang diberi, serta tarikh kerja rumah tersebut disempurnakan.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Senario pendidikan di negara ini telah menunjukkan bahawa kerja rumah telah memainkan peranan yang amat penting dalam sistem persekolahan di negara ini khususnya. Oleh itu, kajian yang teliti ke atasnya dengan tujuan penambahbaikan adalah sesuatu yang amat diperlukan. Tambahan lagi, penyelidik mendapati sangat kurang penyelidikan berkenaan kerja rumah secara meluas di negara ini dan didokumentasikan.

Oleh itu, penyelidik amat cenderung untuk mengkaji kerja rumah dari aspek peruntukan masa, jenis-jenis, serta cara pengelolaan guru dan menghubungkan ketigatiga aspek ini dengan pencapaian mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah dalam kalangan pelajar tingkatan dua dari kelas premier di sekolah-sekolah di

sekitar Skudai. Kajian ini diharapkan agar dapat membantu pelbagai pihak untuk memandang serius pelaksanaan kerja rumah serta berusaha ke arah keberkesanannya.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama dalam kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara peruntukan masa, jenis, serta cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah bagi mata pelajaran Matematik, Sejarah dan Bahasa Inggeris dengan pencapaian akademik pelajar dalam setiap mata pelajaran tersebut dalam kalangan pelajar tingkatan dua dari kelas premier di Sekolah Menengah Harian di sekitar Skudai. Secara khusus, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menenalpasti hubungan antara peruntukan masa untuk membuat kerja rumah bagi mata pelajaran Matematik, Sejarah dan Bahasa Inggeris dengan pencapaian akademik pelajar.
2. Menenalpasti hubungan antara jenis kerja rumah bagi mata pelajaran Matematik, Sejarah dan Bahasa Inggeris dengan pencapaian akademik pelajar.
3. Menenalpasti hubungan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah bagi mata pelajaran Matematik, Sejarah dan Bahasa Inggeris dengan pencapaian akademik pelajar.

5.0 PERSOALAN KAJIAN

Daripada objektif yang telah dibentuk, Penyelidik telah menenalpasti beberapa persoalan kajian dalam kajian ini, antaranya ialah:

1. Apakah hubungan antara peruntukan masa untuk membuat kerja rumah bagi mata pelajaran Matematik, Sejarah dan Bahasa Inggeris dengan pencapaian akademik pelajar?
2. Apakah hubungan antara jenis kerja rumah bagi mata pelajaran Matematik, Sejarah dan Bahasa Inggeris dengan pencapaian akademik pelajar?
3. Apakah hubungan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah bagi mata pelajaran Matematik, Sejarah dan Bahasa Inggeris dengan pencapaian akademik pelajar?

6.0 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian mengenai kerja rumah sebenarnya terlalu luas dan umum. Penyelidik tidak akan mampu melakukan kajian yang merangkumi kesemua aspek yang berkaitan kerja rumah. Oleh itu, penyelidik mengecilkan skop kepada peruntukan masa oleh pelajar untuk membuat kerja rumah, jenis-jenis kerja rumah yang dilakukan, serta cara pengelolaan guru dengan kerja rumah yang diberikan, serta menghubungkannya dengan

pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Matematik, Sejarah dan Bahasa Inggeris. Penyelidik juga membataskan kajian kepada pelajar-pelajar tingkatan dua dari kelas 12 kelas premier di sekitar Skudai sahaja, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Mutiara Rini dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Skudai memandangkan terdapatnya beberapa kekangan yang menghalang.

7.0 DEFINISI ISTILAH

1. Peruntukan masa

Peruntukan masa didefinisikan dengan penggunaan ataupun penyediaan masa yang ditetapkan mahupun digunakan. Oleh itu, penyelidik ingin mengkaji bagaimanakah penyediaan masa oleh pelajar untuk melaksanakan kerja rumah yang diberi oleh guru di sekolah.

2. Jenis kerja rumah

Kamus Dewan edisi ketiga terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 2000 mendefinisi “jenis” dengan golongan, macam, dan kepelbagaian. Oleh itu, dalam kajian ini, 3 jenis kerja rumah yang ingin dikaji oleh Penyelidik adalah;

1. Ulangkaji: Kerja rumah berdasarkan bahan yang telah di ajar di dalam kelas. Kerja rumah jenis ini bertujuan mengukuhkan pemahaman pelajar mengenai apa yang telah diajar. Ia mungkin menyebabkan pelajar dapat menjawabnya secara spontan.
2. Persediaan: Kerja rumah berdasarkan bahan baru yang belum diajar. Ia melibatkan pelajar menggunakan bahan yang belum lagi ditunjukkan atau diajar di dalam kelas. Kerja rumah ini lebih menjurus kepada persediaan pelajar untuk pelajaran seterusnya.
3. Penerokaan: Kerja rumah yang mengembangkan lagi apa yang telah diajar di dalam kelas. Kerja rumah jenis ini kurang menekankan betul atau salah. Capaian kualiti kerja sekolah dan penyediaan maklum balas yang membina amat diharapkan dalam kerja rumah yang dilaksanakan dalam dimensi ini.

3. Cara pengelolaan guru dengan kerja rumah

Cara pengelolaan guru dengan kerja rumah adalah berkaitan dengan pengurusankerja rumah oleh guru. Ini meliputi peringkat semasa dan selepas. Peringkat semasa merupakan arahan sebelum kerja rumah dilakukan, iaitu arahan yang diberikan kepada pelajar sewaktu kerja rumah diberikan. Seterusnya peringkat selepas merangkumi respon atau tindakbalas guru dengan kerja rumah yang telah diberikan.

4. Pencapaian akademik


Dalam kajian ini, pencapaian akademik pelajar diukur daripada peperiksaan akhir tahun terbaru dalam mata pelajaran Matematik, Sejarah dan Bahasa Inggeris. Pencapaian ini akan menentukan bagaimana kerja rumah yang diterima dan dilaksanakan oleh pelajar membantu pelajar untuk menguasai mata pelajaran ini. Pemboleh ubah ini diukur dengan kategori markah yang diperolehi pelajar, iaitu 0% - 39% (rendah), 40% - 59% (sederhana), 60% - 79% (tinggi), dan 80% - 100% (cemerlang).

5. Pelajar kelas premier

Pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar tingkatan dua dari premier daripada SMK Sri Skudai dan satu kelas tingkatan dua premier daripada SMK Taman Mutiara Rini. Mereka adalah pelajar yang mengambil mata pelajaran Matematik, Sejarah dan Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib dalam PMR pada tahun 2009. Kelas premier merupakan kelas kawalan yang menjadi harapan kepada sekolah. Dalam konteks sampel penyelidikan ini, pelajar tersebut merupakan pelajar yang memperoleh keputusan 5A atau 4A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 2006.

8.0 KERANGKA KONSEP KAJIAN

Di dalam kajian ini, penyelidik telah membentuk kerangka konsep yang bertujuan untuk menjelaskan kajian yang ingin dikaji seperti berikut;



Rajah 1 : Kerangka konsep kajian

Kerangka konsep ini menerangkan kajian mengenai kerja rumah dari 3 aspek yang penting, iaitu Peruntukan masa, Jenis kerja rumah yang diterima oleh pelajar, serta Cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah yang diberi. Jenis kerja rumah yang diterima oleh pelajar diklasifikasi berdasarkan bahan yang telah diajar (ulangkaji), bahan yang belum diajar (persediaan), dan bahan yang merupakan lanjutan daripada apa yang telah diajar (penerokaan). Manakala cara pengelolaan guru pula diklasifikasi berdasarkan semasa pemberian kerja rumah dan maklum balas guru selepas kerja rumah disiapkan oleh pelajar.

9.0 SOROTAN KAJIAN

1. Perkembangan kajian berkaitan dengan kerja rumah

Pengukuran pencapaian pelajar dalam bidang akademik semakin menjadi suatu keperluan, dimana setiap sekolah akan mewujudkan pelbagai kaedah dan formula untuk meningkatkan pencapaian pelajarannya. Salah satu kaedah yang sangat berkesan untuk tujuan ini adalah menerusi pemberian kerja rumah (homework). Walaubagaimanapun, hanya segelintir sekolah yang membangunkan polisi kerja rumah yang menjadi rujukan kepada pihak guru khususnya untuk menentukan jumlah serta jenis kerja rumah yang harus diberikan kepada pelajar. Kerja rumah merupakan suatu keperluan, maka polisi yang dibangunkan haruslah menitikberatkan keperluan dan tahap pembelajaran pelajar.

Sejak NCEE menerbitkan "A Nation at Risk" pada tahun 1983 yang antara lain menitikberatkan peningkatan kerja rumah yang diberi untuk meningkatkan pencapaian pelajar (Hill et al.1986), ramai penyelidik telah menjalankan kajian untuk memberi kefahaman yang jelas bagaimana kerja rumah mempengaruhi pencapaian pelajar serta apakah yang perlu dilakukan oleh pihak sekolah untuk memastikan kerja rumah yang diberi menambahkan pengalaman dalam pembelajaran.

Ketika proses pengajaran dan pembelajaran terus berjalan, hanya terdapat segelintir sekolah yang mempunyai polisi kerja rumahnya. Dalam kajian yang dilakukan oleh W. Roderique and Edward A. Polloway pada tahun 1994, didapati bahawa hanya 35.2% daripada sekolah-sekolah yang dikaji mempunyai polisi kerja rumah. (Roderique et al. 1984). Beberapa tahun selepasnya, Stan Hill et al. Telah menerbitkan satu kajian yang dijalankan di North Carolina yang telah menunjukkan bahawa bilangan sekolah yang telah memiliki polisi kerja rumah yang diiktiraf adalah 51%. (Hill et al. 1986).

2. Kajian dalam negara

Sikap pelajar memainkan peranan untuk menjayakan proses pembelajaran. Di Malaysia, kajian yang dilakukan oleh Hui (1992) terhadap pelajar-pelajar di bandar tentang cara mereka menggunakan masa selepas waktu persekolahan mendapati perbezaan sikap antara pelajar-pelajar dari tahap pencapaian akademik tinggi didapati melebihi masa

kepada aktiviti-aktiviti berorientasikan peperiksaan seperti membuat kerja rumah, mengulangkaji pelajaran, membaca buku teks dan buku rujukan, serta menghadiri tuisyen. Pelajar-pelajar yang mempunyai tahap pencapaian yang kurang pula lebih cenderung mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti-aktiviti fizikal seperti menonton wayang, bermain, atau berbual-bual kosong dengan kawan-kawan.

Atan Long (1980) menjelaskan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan apabila seseorang guru memberi kerja rumah kepada pelajarnya. Antaranya ialah memastikan agar tugas yang diberi bersifat menyeluruh tetapi tidak terlalu banyak bilangannya. Guru-guru juga perlu mempertimbangkan kemudahan-kemudahan yang boleh didapati oleh pelajar untuk menyelesaikan kerja rumah mereka sesuai dengan peringkat keupayaan masing-masing. Penyelidik amat bersetuju dengan pandangan ini, supaya objektif yang ingin dicapai melalui pemberian kerja rumah tercapai.

Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Azmey (1989) mendapati pemberian kerja rumah yang didahului dengan perbincangan yang dijalankan didalam bilik darjah akan dapat membolehkan pelajar meningkatkan kecekapan mereka sewaktu menyelesaikan tugas. Pelajar juga akan mempunyai keyakinan serta sikap yang lebih positif berbanding kerja rumah yang diberikan tanpa sebarang panduan atau perbincangan. Kajian ini menjadi pemboleh ubah dalam kajian penyelidik memandangkan pentingnya cara pengelolaan guru yang baik terhadap kerja rumah yang diberikan agar objektif kerja sekolah dapat dicapai. Antaranya ialah penerangan guru yang jelas kepada pelajar apa yang perlu dilakukan dan bagaimana mendapatkan bahan rujukan untuk menyelesaikannya.

Faktor ini disokong oleh kajian Chong (1990) tentang peranan kerja rumah terhadap pembelajaran Matematik Moden yang mendapati para pelajar memang mengharapkan penerangan guru yang jelas dan teratur agar sesuatu tugas kerja rumah boleh dilakukan dengan baik seterusnya menjadikan proses pembelajaran lebih efisien.

3. Kajian luar negara

Satu eksperimen telah dijalankan oleh Folye pada tahun 1984 untuk menentukan kesan kerja rumah terhadap pencapaian pelajar Sekolah Menengah Atas Emporia, Kansas, dan Amerika Syarikat. Sampel seramai 131 orang pelajar yang dipilih secara rawak dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu A, B, dan C. Kumpulan A diberi kerja rumah dan membuatnya setelah sesuatu topik diajar oleh guru di dalam bilik darjah.

Kumpulan B diberi kerja rumah setelah selesai sesuatu tajuk diajar di dalam kelas dan membuatnya. Manakala kumpulan C tidak diberi apa-apa kerja rumah. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan A, B, dan C tetapi tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan A dan B. Daripada kajian ini, Foyle membuat kesimpulan bahawa kerja rumah, sama ada dijadikan sebagai

persediaan untuk sesuatu pembelajaran mahupun sebagai pengukuhan dapat meningkatkan pencapaian pembelajaran jika dibandingkan dengan kumpulan yang tidak diberi kerja rumah.

Pada tahun 1994, Polloway bersama-sama dengan Michael Epstein telah melakukan suatu kajian untuk mengkaji pengamalan kerja rumah dalam pendidikan umum dimana guru mengajar pelajar yang mempunyai kekurangan. Mereka mendapati bahawa terdapat beberapa strategi yang boleh digunakan untuk sebahagian pelajar manakala tidak sebahagian pelajar yang lain. Dalam aspek jenis kerja rumah yang diberikan, mereka mendapati bahawa guru lebih berjaya apabila bahan yang diberikan tidak terlalu kompleks ataupun bahan baru yang pelajar belum pernah temui. Tugasan apapun yang memerlukan pelajar mengintegrasikan konsep adalah lebih sukar dan pelajar tidak dapat menyiapkannya. Manakala apabila kerja rumah yang melibatkan latihan atau penyempurnaan konsep yang telah diajar oleh guru di dalam kelas diberi, pelajar dapat menyelesaikannya dengan sempurna. (Skandera et al. 2001).

Salend dan Shiff pada tahun 1989, seterusnya Polloway et al. dalam tahun 1992 telah mengkaji beberapa sebab yang menyumbang kepada faktor mengapa pelajar tidak dapat menyiapkan kerja rumah. Salend dan Shiff merumuskan bahawa persoalan motivasi yang mungkin “berkaitan dengan kegagalan guru untuk memberi maklum balas ke atas kerja sekolah yang diberi dengan polisi penggredan serta untuk melibatkan ibubapa dalam proses kerja rumah”. (Gajria et al., 1995) Polloway et al. pula menemui bahawa faktor ini lebih disebabkan oleh “permasalahan motivasi dan gangguan”. Gregory et al. menemui bahawa pelajar yang mempunyai kelemahan dalam pembelajaran akan hanya memperuntukkan masa antara 1-3 jam seminggu, manakala mereka memperuntukkan masa untuk menonton televisyen dan terlibat dalam aktiviti ko-kurikulum selama 3-4 jam sehari. (Gajria et al. 1995).

10.0 TEORI BERKAITAN

1. Teori Tingkah Laku

Teori tingkah laku seperti yang diperkenalkan oleh B.F. Skinner (1957) telah mengutarakan model Rangsangan – Gerak balas ($S \rightarrow R$) yang berasaskan prinsip bahawa pembelajaran berlaku melalui beberapa siri langkah kecil yang mana pelajar mengambil bahagian secara aktif. Dengan kejayaan pelajar ini dalam pembelajaran, maka mereka ini diberi pengukuhan dalam bentuk ganjaran dengan segera. (Kemp, 1985). Jika seseorang pelajar itu diberi rangsangan dengan menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru dan jawapan itu betul, maka guru hendaklah memberikan pujian atau bentuk lain pengukuhan dengan segera. Tindakan guru memberikan pengukuhan ini akan menyebabkan pelajar berkenaan gembira dan menggalakkan pelajar mencuba lagi.

Aplikasi prinsip rangsangan, maklum balas, dan pengukuhan secara berterusan akan memotivasikan pelajar terus berminat untuk belajar. Dalam model ini, elemen pengukuhan dapat meningkatkan kebarangkalian berlakunya tingkah laku sedia ada atau yang baru. Rangsangan ialah keadaan, peristiwa atau perubahan dalam persekitaran individu yang menghasilkan perubahan dalam tingkah laku. Rangsangan ini mungkin dalam bentuk lisan, tulisan atau berbentuk fizikal. Gerak balas ialah unit tingkah laku sebagai asas tingkah laku yang kompleks yang mana suatu *repertoire* gerak balas dibina. Dalam konteks kelas, keadaan tingkah laku akan berlaku bergantung pada piawai yang ditetapkan oleh guru. Namun begitu, dengan meningkatkan latihan, guru menjangkakan bahawa ketepatan yang lebih lagi boleh diperolehi. Di samping itu, gerak balas dikukuhkan lagi dengan adanya penerimaan ganjaran (Cruickshank, 1995 dalam Esah, 2004).

Pengenalan kepada rangsangan yang sesuai akan meningkatkan lagi kebarangkalian gerak balas. Contohnya, dengan memberi senario situasi yang dibincangkan dengan jelas atau penerangan disampaikan dengan cara yang amat menarik perhatian atau menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai, akan menarik perhatian pelajar kepada rangsangan yang dikemukakan. Gerak balas yang diberi oleh pelajar perlu mendapat maklum balas sama ada jawapannya betul atau tidak.

Kerja rumah yang diberikan kepada pelajar juga harus diselia atau dikelola dengan baik, mengikut teori tingkah laku ini. Guru sebagai pentadbir kerja rumah harus mengelola kerja rumah dengan sempurna supaya tujuan asal kerja rumah tercapai. Setelah itu, guru juga perlu mengukuhkan lagi gerak balas pelajar (menyiapkan kerja rumah) dengan pujian atau kata-kata semangat. Pengukuhan yang diberi akan memotivasikan lagi pelajar untuk mengulangi lagi gerak balas yang diinginkan. Teori Tingkah laku diaplikasikan dengan pemberian kerja rumah dalam bentuk peneguhan sama ada peneguhan positif mahupun peneguhan negatif. Peneguhan positif yang lazim diberi oleh guru adalah berbentuk pujian atau kata-kata semangat supaya pelajar menyiapkan kerja rumah yang diberi. Manakala peneguhan negatif pula mungkin berupa hukuman yang meninggalkan kesan kepada pelajar.

2. Teori Kognitif

Pendekatan kognitif menekankan proses mental dalaman. Maklumat yang diterima diproses melalui pemilihan, perbandingan dan penyatuan dengan maklumat lain yang sedia ada dalam ingatan. Penyatuan maklumat ini kemudian akan diubah dan disusun semula. Hasil pemikiran bergantung kepada proses mental dalaman tersebut. (Noordin Yahaya, Azizi Yahaya, dan Zurihanmi Zakariya, 2005).

Bentuk pembelajaran kognitif menitikberatkan pemikiran, pengalaman, dan pengamatan. Struktur kognitif yang terhasil melalui proses ingatan akan membentuk proses penyimpanan maklumat dan penggunaan semula maklumat dalam menyelesaikan masalah. Kerja rumah yang diberikan oleh guru lazimnya menuntut

pelajar supaya mengingat kembali apa yang telah diajar dan menggunakannya semula untuk menyiapkan latihan kerja rumah yang diberi. Keberkesanan konsep pembelajaran teori kognitif berkaitan kerja rumah bergantung kepada peranan guru dalam mengolah jenis kerja rumah agar bersesuaian dengan situasi pelajar dan bertepatan dengan tujuan utama kerja rumah yang diberi. Teknik penyampaian guru juga turut memainkan peranan dalam melaksanakan matlamat asas agar pembelajaran terbentuk secara kognitif.

Teori ini juga menjelaskan ilmu adalah sesuatu yang aktif dan terbina pada suatu tempat (Wilhelmsen et al. 1998). Teori ini sesuai untuk diaplikasikan kepada subtajuk yang memerlukan pelajar boleh mengenalpasti bagaimanakah bentuk penyelesaian yang perlu digunakan untuk menjawab sesuatu latihan. Pendedahan pelajar kepada simboisymbol atau formula di peringkat awal pembelajaran akan merangsang pelajar untuk menggunakan simbol atau formula tersebut bagi menyelesaikan masalah.

11.0 METOD

1. Reka Bentuk Kajian

Kajian yang akan dilakukan oleh penyelidik adalah berbentuk deskriptif dan inferensi. Soalan-soalan yang dibina merangkumi aspek-aspek yang ingin dikaji oleh penyelidik dalam persoalan kerja rumah, iaitu peruntukan masa oleh pelajar untuk melakukan kerja rumah, jenis kerja rumah yang diterima oleh pelajar, serta cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah yang diberikan kepada pelajar. Kaedah kajian berbentuk deskriptif ini merupakan kaedah penyelidikan sosial yang digunakan secara meluas.

Mohd Najib (1999) menyatakan bahawa kaedah penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk melihat secara intensif peristiwa yang berlaku pada satu-satu masa dan pada peringkat akhir dapat membuat andaian tentang unit populasi yang lebih besar tentang peristiwa yang sama. Reka bentuk kajian ini dibuat dalam bentuk soalan skala Likert. Tuckman (1988) menyatakan bahawa soal selidik mudah mendapat kerjasama daripada responden. melalui soal selidik juga responden bebas menyatakan pendapat serta menilai mengikut persoalan yang dikemukakan. Soalan soal selidik akan diedarkan kepada responden bagi tujuan pengumpulan data dan maklumat.

2. Populasi dan sampel kajian

Untuk mendapatkan hasil yang maksimum, sesuatu kajian haruslah merangkumi keseluruhan individu yang terlibat. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak dapat memenuhi kriteria itu. Oleh itu, penyelidik telah memilih sampel yang dapat mewakili populasi yang dikaji. Sampel yang dipilih hendaklah benar-benar dapat mewakili populasi yang dikaji.

Black (1993, dalam Schloss dan Smith, 1999) menyatakan bahawa pensampelan rawak memastikan sampel yang digunakan tidak pincang dan dapat mewakili populasi. Dalam kajian ini, populasi yang terlibat ialah pelajar tingkatan dua premier di dua buah sekolah menengah harian di sekitar Skudai. Sekolah-sekolah yang terlibat ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Skudai dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Mutiara Rini. Keckerapan sampel daripada kedua-dua buah sekolah ditunjukkan seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Taburan sampel dalam kajian penyelidikan

Nama sekolah	Bil Sampel	Peratus (%)
SMK Sri Skudai (2PM1)	34	32.08
SMK Sri Skudai (2PM2)	34	32.08
SMK Taman Mutiara Rini (2PM2)	34	35.84

3. Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik adalah berupa soal selidik. Mengikut Mohamad Najib (1999), kaedah tinjauan menggunakan soal selidik merupakan salah satu kaedah yang paling popular dalam kalangan penyelidik. Soal selidik mudah ditadbir setelah dibina dengan baik, data senang diproses untuk tujuan analisis, dan membolehkan penyelidik mengetahui tahap pencapaian akademik responden yang ramai. Ini adalah tidak mungkin dapat dilakukan jika penyelidik menggunakan kaedah lain seperti pemerhatian atau temu bual. Tambahan pula, kaedah temubual memakan masa untuk merancang, mentadbir, menulis, dan menganalisis.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini disediakan sendiri oleh penyelidik berdasarkan kriteria atau aspek-aspek kerja rumah yang ingin dikaji. Ia terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi soalan berkenaan latar belakang responden, seperti jantina, bangsa, kategori markah bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah yang pelajar (responden) perolehi di dalam peperiksaan akhir tahun semasa di tingkatan satu (mewakili pencapaian akademik pelajar) serta tempoh masa yang digunakan oleh pelajar untuk menyiapkan kerja rumah bagi setiap mata pelajaran tersebut dalam tempoh seminggu. Manakala bahagian B pula mengandungi 30 soalan yang berkaitan dengan pembolehubah-pembolehubah selain faktor peruntukan masa, iaitu faktor jenis kerja rumah dan faktor cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah. Taburan soalan yang menguji faktor jenis kerja rumah dan cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah yang dikaji ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 2: Taburan item dalam soal selidik (Bahagian B)

Aspek yang dikaji		Nombor item
Jenis kerja rumah	Ulangkaji	1,7,13,19 dan 25
	Persediaan	3,9, 15,21 dan 27
Cara pengelolaan guru	Penerokaan	5,11,17,23 dan 29
	Semasa	2,6,10,14,18 dan 22
	Selepas	4,8,12,16,20,24,26,28, dan 30

Bagi setiap item dalam Bahagian B, jawapan responden dinilai mengikut skala Likert seperti yang ditunjukkan berikut:

Jadual 3: Nilai Skala Likert

Jawapan	Nilai
Sangat setuju	5
Setuju	4
Tidak Pasti	3
Tidak setuju	2
Sangat Tidak Setuju	1

4. Penganalisan Data

Soal selidik yang telah dilengkapi responden akan dikumpul oleh penyelidik untuk diproses dan dianalisis. Pemprosesan dan analisis akan dilakukan menggunakan program SPSS / PC (*Statistical Package for the Social Science*). Seterusnya, penyelidik akan membuat dua jenis analisis, iaitu deskriptif dan inferensi bergantung kepada data yang diperolehi. Namun, objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini memerlukan analisis jenis inferensi.

Bagi keputusan deskriptif, statistik deskriptif digunakan oleh penyelidik untuk mencari kekerapan dan peratusan bagi jantina, bangsa, pencapaian pelajar, serta taburan responden mengikut aspek-aspek yang ingin dikaji. Umumnya, penyelidik membahagikan pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah pelajar kepada empat kumpulan seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3 yang berikut:

Jadual 4: Julat Markah dan Klasifikasi pencapaian akademik pelajar

Julat markah	Klasifikasi pencapaian
0 % - 39 %	Rendah
40 % - 59 %	Sederhana
60 % - 79 %	Tinggi
80 % - 100 %	Cemerlang

Manakala untuk keputusan inferensi pula, statistik inferensi digunakan oleh penyelidik untuk menguji hipotesis berkenaan hubungan ini. Hipotesis nol 1 hingga 18 menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa untuk membuat kerja rumah bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah dengan pencapaian akademik pelajar, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis-jenis kerja sekolah bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah dengan pencapaian akademik pelajar, dan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja sekolah bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah dengan pencapaian akademik pelajar. Dengan ini, kaedah statistik korelasi *Pearson* digunakan untuk mencari hubungan antara pemboleh ubah yang dinyatakan.

12.0 HASIL DAPATAN KAJIAN

1. Analisis deskriptif

Penyelidik menggunakan analisis deskriptif untuk memaparkan taburan pelajar dan peratusnya berdasarkan maklumat demografi (Bahagian A) dalam borang soal selidik.

Taburan pelajar mengikut jantina

Daripada analisis deskriptif, taburan kekerapan dan peratusan telah diperoleh dan penyelidik mempersembahkan dalam bentuk jadual seperti berikut:

Jadual 5: Taburan pelajar mengikut jantina

Jantina	Bil Sampel	Peratus (%)
Lelaki	50	47.2
Perempuan	56	52.8
Jumlah	106	100.0

Jadual 4.1 menunjukkan bilangan dan peratusan pelajar lelaki dan perempuan yang telah menjadi responden penyelidik. Sebanyak 50 orang pelajar lelaki (47.2%) dan 56 orang pelajar perempuan (52.8%) telah menjawab dan memulangkan kembali borang soal selidik yang diedarkan.

Taburan pelajar mengikut bangsa

Daripada analisis deskriptif, taburan kekerapan dan peratusan bangsa responden telah diperoleh dan penyelidik

Jadual 5: Taburan pelajar mengikut bangsa

Bangsa	Bil Sampel	Peratus (%)
Melayu	50	47.2
Cina	37	34.9
India	18	17.0
Jumlah	106	100.0

Daripada sejumlah 106 orang pelajar yang menjawab soal selidik yang diedarkan, seramai 50 orang iaitu 47.2 % merupakan pelajar Melayu sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 4.2 di atas. Seramai 37 orang (34.9%) daripada bangsa Cina, 18 orang (17.0%) daripada bangsa India, dan seterusnya hanya seorang (0.9%) daripada bangsa lain.

Taburan Pelajar mengikut Pencapaian mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah

Daripada analisis deskriptif, taburan kekerapan dan peratusan pencapaian akademik responden dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah telah diperoleh dan penyelidik mempersembahkan dalam bentuk jadual seperti berikut:

Jadual 5: Taburan pelajar mengikut pencapaian mata pelajaran matematik, Bahasa Inggeris dan sejarah

Pencapaian	Matematik		Bahasa Inggeris		Sejarah	
	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)
0 - 39%	0	0.0	0	0.0	1	0.9
40 - 59%	10	9.4	16	15.1	13	12.3
60 - 79%	28	26.4	56	52.8	62	58.5
80 - 100%	68	64.2	34	32.1	30	28.3
Jumlah	106	100.0	106	100.0	106	100.0

Jadual 5 di atas memaparkan taburan pelajar yang menjawab soal selidik dan dikelaskan mengikut kategori markah bagi setiap mata pelajaran yang dikaji oleh penyelidik, iaitu Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah. Bagi mata pelajaran Matematik, kekerapan tertinggi adalah pada kategori tertinggi, 80-100% iaitu seramai 68 orang pelajar. Tiada pelajar direkodkan memperoleh keputusan yang berada di kategori terendah, 0-39%.

Dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pula, bilangan terbanyak, iaitu seramai 56 orang pelajar memperoleh markah di kategori 60-79%. Sebagaimana subjek Matematik, tiada pelajar yang memperoleh markah di kategori 0-39%. Manakala bagi subjek

Sejarah, majoriti pelajar direkodkan berada di kategori markah 60-79% seramai 62 orang (58.5%).

Taburan Pelajar mengikut Peruntukan Masa bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah

Daripada analisis deskriptif, taburan kekerapan dan peratusan peruntukan masa oleh pelajar untuk menyiapkan kerja rumah telah diperoleh dan penyelidikan mempersembahkan dalam bentuk jadual seperti berikut:

Jadual 6: Taburan pelajar mengikut peruntukan masa bagi mata pelajaran matematik, Bahasa Inggeris dan sejarah

Peruntukan masa	Matematik		Bahasa Inggeris		Sejarah	
	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)
Kurang 1 jam	41	38.7	48	45.3	42	39.6
1-2 jam	43	40.6	41	38.7	48	45.3
2-3 jam	14	13.2	13	12.3	10	9.4
Lebih 4 jam	8	7.5	4	3.8	6	5.7
Jumlah	106	100.0	106	100.0	106	100.0

Jadual 6 di atas menunjukkan taburan masa yang diperuntukkan oleh pelajar untuk membuat kerja rumah mengikut subjek Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah. Daripada jadual di atas, paling ramai pelajar memperuntukkan satu hingga dua jam seminggu untuk membuat kerja rumah Matematik, iaitu seramai 43 orang (40.6%). Manakala paling ramai pelajar memperuntukkan hanya kurang satu jam seminggu untuk membuat kerja rumah Bahasa Inggeris, iaitu seramai 48 orang (45.3%). Bagi subjek Sejarah pula, paling ramai pelajar memperuntukkan satu hingga dua jam seminggu iaitu seramai 48 orang (45.3%)

13.0 PERBINCANGAN

Hubungan Antara Peruntukan Masa dengan Pencapaian

Peruntukan masa yang ditakrifkan dalam kajian ini adalah penggunaan ataupun penyediaan masa oleh pelajar untuk menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru mereka bagi setiap mata pelajaran. Berdasarkan Jadual 6 yang memaparkan taburan pelajar mengikut Peruntukan Masa bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah, umumnya majoriti pelajar memperuntukkan masa pada dua kategori yang awal, iaitu kurang daripada satu jam (bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris) dan kategori satu

hingga dua jam (bagi mata pelajaran Matematik dan Sejarah). Manakala bagi kategori lebih daripada empat jam, mata pelajaran Matematik menunjukkan bacaan paling tinggi, sebanyak 7.5%. Ini menunjukkan bahawa antara ketiga-tiga mata pelajaran, Matematik merupakan mata pelajaran yang memerlukan peruntukan masa yang paling banyak.

Objektif pertama kajian adalah untuk mengenalpasti hubungan antara peruntukan masa untuk membuat kerja rumah dengan pencapaian mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah. Tiada hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah ini bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah. Ini bermaksud peruntukan masa yang banyak untuk membuat kerja rumah belum menjamin pencapaian yang tinggi. Keadaan ini agak berbeza dengan sembilan kajian yang telah dilakukan oleh Cooper (1994) dimana hasil kajian menunjukkan terdapatnya hubungan antara peruntukan masa ke atas kerja rumah dengan pencapaian, dan hubungan ini signifikan dan positif.

Penyelidik berpendapat perbezaan ini disebabkan oleh faktor lain, seperti keupayaan minda dan suasana rumah bagi pelajar di Malaysia. Sebagai pelajar yang berada di dalam kelas premier, keupayaan minda mereka tentunya lebih baik berbanding pelajar lain. Mereka akan lebih mudah memahami dan menyelesaikan kerja rumah yang diberikan dengan peruntukan masa yang lebih singkat dan dapat menunjukkan prestasi yang baik dalam pencapaian mata pelajaran yang dikaji. Pelajar yang mempunyai kebolehan kognitif yang rendah sering dikaitkan dengan peruntukan masa yang banyak untuk menyiapkan kerja rumah. Keadaan berbeza bagi pelajar yang berkebolehan kognitif yang tinggi. (Caroll, 1963, De Jong, Westerhof dan Creemers 2000, Epstein dan Van Voornis, 2001). Neilson, (2005) dan Henderson (2007) juga telah menyatakan bahawa peruntukan masa untuk menyiapkan kerja rumah terutamanya Matematik adalah berdasarkan kebolehan kognitif pelajar.

Hubungan Antara Jenis Kerja Rumah dengan Pencapaian

Dalam kajian ini, terdapat tiga jenis kerja rumah yang dikaji iaitu jenis ulangkaji, jenis persediaan dan jenis penerokaan. Penyelidik telah mengkaji hubungan setiap jenis kerja rumah ini dengan pencapaian mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah.

Mata pelajaran Matematik dan Sejarah menunjukkan adanya hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis ulangkaji dengan pencapaian mata pelajaran manakala bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, tidak terdapat hubungan. Penyelidik berpendapat bahawa mata pelajaran Matematik dan Sejarah memerlukan banyak pengukuhan dari segi kandungan subjek yang berulang kali supaya pelajar dapat mencerna dan mengingat dengan baik. Ingatan yang kuat (bagi mata pelajaran Sejarah) serta penguasaan kaedah untuk menyelesaikan masalah (dalam mata pelajaran Matematik) dapat menjamin pencapaian yang baik dalam peperiksaan pelajar. Keadaan ini berbeza bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, dimana penyelidik berpendapat pencapaian yang baik boleh diukur dengan penggunaannya pada bila-bila masa. Subjek

Bahasa kurang memerlukan pelajar untuk menumpukan perhatian yang banyak bagi menyempurnakan tugasannya.

Memori jangka panjang yang melibatkan kedua-dua aspek, iaitu ulangan dan penerangan (Byrnes, 1996) menjadi suatu aset kepada pelajar supaya mereka dapat menguasai kandungan mata pelajaran seterusnya menunjukkan pencapaian yang baik. Kenyataan ini mengukuhkan lagi dengan dapatan penyelidik dengan adanya hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah kerja rumah jenis ulangkaji serta cara pengelolaan guru semasa pemberian kerja rumah.

Dalam aspek kerja rumah jenis persediaan hasil analisis korelasi *Pearson* hubungan antara kerja rumah jenis persediaan dengan pencapaian mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah, hanya mata pelajaran Matematik yang telah menunjukkan hubungan antara antara kerja rumah jenis persediaan dengan pencapaian akademik. Hasil ini dapat dikukuhkan lagi dengan adanya hubungan dalam aspek kerja rumah jenis ulangkaji.

Seterusnya, jenis kerja rumah terakhir yang diperhatikan dalam kajian ini adalah jenis penerokaan. Ketiga-tiga subjek tidak menunjukkan wujudnya hubungan dengan pencapaian. Penyelidik berpendapat bahawa kerja rumah jenis ini kurang memainkan peranan yang sangat penting untuk memastikan pelajar dapat menunjukkan prestasi yang baik dalam peperiksaan. Keadaan ini berbeza dengan sistem pendidikan di negaranegara maju terutamanya yang sangat menitikberatkan aplikasi kurikulum dalam kehidupan seharian mereka. Ini mungkin disebabkan sistem pendidikan di negara kita yang terlalu berorientasikan peperiksaan di mana pelajar dan guru kurang menggabungjalinkan kehidupan seharian dengan proses pembelajaran mata pelajaran yang diajar di sekolah.

Hubungan Antara Cara Pengelolaan Guru dengan Pencapaian

Kajian ini melihat cara pengelolaan guru berdasarkan dua aspek, iaitu semasa pemberian kerja rumah (sebelum pelajar mula membuat kerja rumah) dan selepas kerja rumah disempurnakan oleh pelajar. Objektif ketiga kajian ini pula adalah mengenalpasti hubungan antara kedua-dua cara pengelolaan guru ini dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah. Edgar Stones (1984) telah menyatakan bahawa pencapaian pelajar dalam suatu proses penilaian menjadi kayu ukur kepada keberkesanan penyeliaan atau pengelolaan guru terhadap proses pengajarannya. Keberkesanan ini termasuklah cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah yang diberikan kepada pelajarnya.

Pencapaian mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah menunjukkan bahawa mata pelajaran Matematik mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian. Manakala bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Sejarah, tiada hubungan antara pemboleh ubah ini. Penyelidik berpendapat bahawa di peringkat sekolah rendah dan menengah, Matematik merupakan suatu mata pelajaran yang

memerlukan bimbingan yang penuh daripada guru untuk pelajar menyelesaikan kerja rumah yang diberi berbanding dengan mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Sejarah

Seterusnya, bagi aspek pengelolaan guru selepas kerja rumah disempurnakan hubungan antara cara pengelolaan guru selepas dengan pencapaian mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah, hanya mata pelajaran Bahasa Inggeris yang tidak menunjukkan hubungan yang signifikan. Mata pelajaran Matematik dan Sejarah pula telah menunjukkan hubungan yang signifikan.

14.0 RUMUSAN

Kajian ini memfokuskan enam aspek, iaitu (1) peruntukan masa untuk menyiapkan kerja rumah, (2) kerja rumah jenis ulangkaji, (3) kerja rumah jenis persediaan, (4) kerja rumah jenis penerokaan, (5) cara pengelolaan guru semasa pemberian kerja rumah, dan (6) cara pengelolaan guru selepas kerja rumah disempurnakan oleh pelajar. Oleh itu, di sini dinyatakan beberapa rumusan yang dapat dibuat berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan:

- i. Peruntukan masa yang banyak untuk menyiapkan kerja rumah belum dapat dibuktikan untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah.
- ii. Kerja rumah jenis ulangkaji mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar walaupun lemah bagi mata pelajaran Matematik dan Sejarah, masing-masing dengan indeks kolerasinya 0.342** dan 0.203*.
- iii. Kerja rumah jenis persediaan hanya menunjukkan hubungan yang lemah bagi mata pelajaran Matematik dengan nilai $r = 0.215^*$, manakala kerja rumah bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Sejarah, didapati masing-masing tiada hubungan dengan pencapaian akademik.
- iv. Ketiga-tiga mata pelajaran (Matematik, Bahasa Inggeris dan Sejarah) tidak menunjukkan hubungan dengan pencapaian bagi aspek kerja rumah jenis penerokaan.
- v. Mata pelajaran Matematik menunjukkan hubungan yang sederhana kuat bagi kedua-dua cara pengelolaan guru (semasa dan selepas kerja rumah diberikan). Manakala mata pelajaran Sejarah hanya menunjukkan hubungan yang lemah bagi aspek cara pengelolaan guru selepas pemberian kerja rumah.
- vi. Bahasa Inggeris didapati tidak menunjukkan sebarang hubungan dengan pencapaian dalam mata pelajaran tersebut bagi keseluruhan enam aspek yang dikaji.

RUJUKAN

- Angela M.O'Donnell, Johnmarshall Reeve & Jeffrey K. Smith (2007), "Educational Psychology: Reflection for Action", John Wiley & Sons, Inc., United States of America.
- A Nation at Risk, *National Commission on Excellence in Education*, April 1983.
- Ahmad Azmey (1989). Prestasi Matematik Murid Sekolah Rendah, *Jurnal Akademik MPPM* Jilid 4.
- Atan Long (1980). *Psikologi Pendidikan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya & Zurihanni Zakariya (2005), "Psikologi Kognitif", Penerbit UTM, Skudai, Johor.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusof Boon & Abd. Rahim Hamdan (2006), "Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori, Analisis dan Interpretasi Data" PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Brown, Ann L., Campione, Joseph C. & Day, Jeanne J. (1981) "Learning to Learn: On Training Students to Learn from Texts", *Educational Researcher*, Vol. 10, No. 2 (Feb., 1981), pp. 14-21
- Byrnes, J. P. (1996). *Cognitive Development and Learning in Instructional Contexts*. Boston, Allyn & Bacon, United States of America.
- Chai Pik Yee (2006). *Hubungan Antara Konsep Kendiri dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sains Tahun Lima di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM)*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Chong Y. L (1990) Pupil and Teacher's View on Mathematics, *Jurnal Pendidikan* (8), 1-13.
- Cooper, H & Hedges, L. V. (1994). *The handbook of research synthesis*. New York : Russell Sage Foundation.
- Cooper, H (1994). *The Battle Over Homework : An Administrator's Guide to Setting Sound and Effective Policies*, United States of America : Corwin Press, Inc.
- Cooper, H. (1994). *Homework Research and Policy: A Review in Literature*. University of Minnesota College of Education and Human Development. Center for Applied Research and Educational Improvement.
- Cooper, Harris, Valentine, Jeffrey C. (2001). Using Research to Answer Practical Questions About Homework, *Educational Psychologist*, (Volume 36, Issue 3)
- Doyle, M. and B. Barber (1990). "Homework As a Learning Experience. What Research Says to the Teacher", 3rd ed. Washington, DC: National Education Association. ED 319 492.
- Eddy, Yvonne. (1984) Developing Homework Policies. *ERIC Digest*. 1984. 3p. Edgar Stones (1984). *Supervision in Teacher Education: a Counselling and Pedagogical Approach*. Universiti Cambridge Press, England. Esah Sulaiman (2004) *Pengenalan Pedagogi* Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, UTM Skudai.
- Folye (1988). *The Condition of Learning*, New York, P. Holt, Rinehart and Winson Inc.

- Gajria, Meenakshi et al. (1995) Homework Practices of Students With and Without Learning Disabilities: A Comparison. *Journal of Learning Disabilities*. (May 1995). 6p. Professional Development Collection. EBSCO. Arlington Public School Library.
- Hill, Stan et al. (1986) Homework Policies in the Schools. *Education*. Fall 1986.
- Hui F. G. & Ling (1992). C.P Issues and Implications of After School Activities of Adolescent Boys in Secondary School in Petaling Jaya *Persidangan Kebangsaan mengenai Remaja*.
- Idayu Khalid (2000). *Amalan Kerja Rumah sebagai Satu Strategi Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Juriah Long (1998), *Inovasi dalam Perkaedahan Pengajaran Bahasa, Sains Sosial dan Teknologi Maklumat*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Killoran, Isabel. (2003) Why Is Your Homework Not Done? How Theories of Development Affect Your Approach in the Classroom. *Journal of Instructional Psychology*. (December 2003).
- Lesley Painter (2003). *Resource Books For Teachers: Homework*. New York : Oxford University Press.
- Michael Holmes, Paul Croll (1989). Time Spent on Homework and Academic Achievement, *Educational Research*, Volume 31 (Number 1, February), 36-45.
- Mohd Salleh Lebar (2002). *Siri Pengajian dan Pendidikan Utusan: Perancangan Pendidikan Peringkat Sekolah dan IPT*, Sungai Besi, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang (2002). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI (Kursus Perguruan Lepas Ijazah), Semester 1 & 2* (Edisi Kedua). Subang Jaya, Selangor : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Polloway, Edward A. et al. (1994) Homework Practices of General Education Teachers. *Journal of Learning Disabilities*. (October 1994).
- Polloway, Edward A. et al. (2001) *Homework for Students With Learning Disabilities: The Challenge of Home-School Communication*. Reading and Writing Quarterly. 2001
- P. B. Tymms, & C. T. Fitz-Gibbon (1992). The Relationship of Homework to Alevel Results, *Educational Research* Volume 34 (Number 1, Spring), 3-10.
- Robert F. McNergney and Joanne M. Herbert (1995). *Foundations of Education: The Challenge of Professional Practice*. Allyn & Bacon, United States of America.
- Skandera, Hannah et al. (2001) *Homework Pays Off*. 2001. *Hoover Digest*
- Tan Oon Seng et al.(2003) *Educational Psychology: A Practitioner-research Approach (an Asian Edition)* Thomson Asia Pte Ltd, Seng Lee Press, Singapore.
- Westerhof. (2000)"Homework and Student Math Achievement in Junior High Schools", *Educational Research and Evaluation*, 2000, Vol. 6, Issue 2, p130.
- Woolfolk, A (2007). *Educational Psychology*. (10th Edition) Boston, Prentice Hall.